



16 FEB, 2021

Permintaan nanas morris kurang disebabkan PKP 2.0

Sinar Harian, Malaysia

Permintaan nanas morris kurang disebabkan PKP 2.0

JOHOR BAHRU - Lambakan nanas jenis morris di pasaran berlaku antaranya akibat kekurangan permintaan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.



SAHRUDDIN

Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Dr Sahrudin Jamal berkata, pihaknya mengambil maklum isu itu yang dilaporkan berlaku di Batu Pahat, Kluang dan Pontian.

Katanya, masalah itu berlaku disebabkan pembatalan antara pemborong dengan pekebun dan menyebabkan nanas tidak dapat dijual seperti biasa.

“Ia juga berpunca daripada kekurangan permintaan di pasaran kerana pelaksanaan PKP terutama bagi segmentasi masakan yang kebiasaannya melibatkan majlis kenduri-kendara, sektor perhotelan dan restoran.

“LPNM bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sudah mengambil langkah proaktif dengan membuat pemantauan awal terhadap pekebun di lapangan,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Baru-baru ini, tular di media sosial pekebun kecil mengalami kerugian ribuan ringgit setelah tanaman yang diusahakan tidak dapat dipasarkan.

“Terdapat sesetengah pihak menuduh kerajaan tidak mengambil sebarang tindakan bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul ini.

“Namun begitu terdapat pekebun jual nanas jenis morris untuk mendapatkan lebih keuntungan,” katanya.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan pekebun nanas di Kampung Parit Betak dan Kampung Parit Haji Ali Darat terpaksa menjual nanas jenis morris RM1 sebiji bagi mengelak lambakan buah di ladang.

Jual nanas RM1 sebiji elak lambakan

5,000 nanas busuk kerana lewat dipetik sejak seminggu lalu

Oleh NOR AZUBA MD AMIN

JOHOR BAHRU - Pekebun nanas di sini terpaksa menjual hasil tanaman mereka dengan harga RM1 berkeping kerana selepas 5,000 nanas jenis morris dan jayanya busuk kerana lewat dipetik sejak seminggu lalu. Mengetahui, harga media ptefa memuncak 20,000 buah nanas yang sudah matang untuk dipetik dijual.

“Perah dari Sempang Rengam berhulu tidak borong nanas dalam kuantiti yang banyak kerana tidak majlis perkahwinan kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 ketika ini ini banyak digunakan dalam makanan. Tetapi sewaktu PKP 2.0 masih keratan besar seperti dilaksanakan dan mengagga kuantiti ketika diototangi *Sinar Harian* pada Ahad.

Khairul, 55, turut mengambil pendekatan sama dengan menjual nanas RM1 sebiji. Menurutnya, dia merantam ris dan pogueue di atas tanah seluas kira-kira tiga hektar. “Saya membuat promosi melalui status di Facebook sejak lima hari lalu dengan memuat naik harga RM1 sebiji berbanding harga sebelum ini RM1.60,” katanya.



Mohd Azubal memunggah buah nanas yang telah dipetik di Sempang Rengam.

Laporan Sinar Harian pada Isnin.



16 FEB, 2021

Permintaan nanas morris kurang disebabkan PKP 2.0

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SINAR HARIAN • ISNIN 15 FEBRUARI 2021 Jual nanas RM1PPZ MAIWP sumbang RM400,000“Peraih dari Simpang Renggam beritahu tidak borong nanasdalam kuantiti yang banyak kerana tiada majlis perkahwinan ketika Perintah KawalanPergerakan (PKP) 2.0 ketika ini.“Nanas morris dan josapine ini banyak digunakan dalammasakan. Tetapi sewaktu PKP 2.0 majlis keraian besar seperti majlis perkahwinan tidak bolehdilaksanakan dan mengganggu rantaian pemasaran nanas,”katanya ketika di hubungi Sinar Harian pada Ahad.